

Fluorida Topikal

[Topical Fluoride]

Apakah itu Fluorida Topikal?

Mengapakah saya memerlukannya? Fluorida Topikal merupakan varnis putih yang digunakan oleh doktor gigi pada gigi anda. Ia mempunyai bahan aktif natrium fluorida dengan kepekatan tinggi 22,600ppm (bahagian per juta), berbanding dengan ubat gigi yang biasanya mengandungi kepekatan 1,450ppm. Oleh yang demikian, ia mempunyai kekuatan yang lebih tinggi berbanding ubat pencuci mulut dan ubat gigi yang dibeli secara runcit.

Penggunaan kepekatan fluorida yang tinggi secara langsung oleh doktor gigi atau ahli terapi kesihatan oral membantu mengukuhkan lapisan luar (enamel) gigi. Enamel yang lebih kuat melindungi saraf dalamnya lalu mengurangkan kesensitifan gigi apabila anda makan atau minum. Selain itu, ia juga mencegah kereputan gigi.

Adakah ia selamat?

Fluorida topikal yang digunakan oleh doktor gigi atau ahli terapi kesihatan oral adalah selamat jika ditelan. Walau bagaimanapun, anda dinasihati agar jangan makan, minum, meludah atau membilas mulut anda sekurang-kurangnya 30 minit selepas penggunaan. Alergi terhadap fluorida jarang sekali berlaku. Namun begitu, sila beritahu kami jika anda mengalami apa-apa reaksi.

Berapa lamakah ia tahan? Berapa kerapkah harus ia digunakan?

Walaupun rawatan fluorida topikal berada di dalam mulut untuk jangka masa yang pendek, bahan aktifnya kekal banyak selama beberapa jam selepas rawatan.

Doktor gigi anda akan memaklumkan anda kekerapan penggunaan fluorida topikal yang anda perlukan. Ini bergantung pada risiko anda terhadap kereputan gigi.

Sekiranya anda mempunyai sebarang kebimbangan, sila bertanya kepada kakitangan kami dan kami akan membantu anda.